

B542

MALAYSIA - AMARAN

1

OLEH ZAINOOR SULAIMAN

1982

KUALA LUMPUR, 2 FEB. (BERNAMA)--MALAYSIA, YANG NAMPAKNYA KECEWA DENGAN KEENGGANAN KHMER ROUGE MENUBUHKAN KERAJAAN CAMPURAN DENGAN DUA LAGI KUMPULAN GERILA DI KAMPUCHEA, HARI INI MEMBERI AMARAN BAHAWA IA AKAN MENARIK BALIK SOKONGANNYA KEPADA KAMPUCHEA DEMOKRATIK DI BANGSA-BANGSA BERSATU.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG JELAS MERUJUK KEPADA KUMPULAN POL POT BERKATA: +SIKAP TIDAK SUKA MENYESUAIKAN DIRI YANG DITUNJUKKAN OLEH SETENGAH KUMPULAN AMAT DIKESALI+.

+MUNGKIN TIDAK ADA GUNANYA LAGI BAGI KITA MENYOKONG KEDUDUKAN MEREKA DI BANGSA-BANGSA BERSATU.+

ASEAN TELAH MENYARANKAN PENUBUHAN SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN YANG LONGGAR DI KALANGAN TIGA KUMPULAN GERAKAN PENENTANG SEBAGAI LANGKAH PERTAMA KE ARAH MENCAPAI SATU PENYELESAIAN POLITIK KEPADA MASALAH KAMPUCHEA, DUA KUMPULAN YANG LAIN ITU IALAH BARISAN PEMBEBASAN KEBANGSAAN RAKYAT KAMPUCHEA (KPNLF) DAN MOULINAKA. --BERSAMBUNG 1448/AH

B547

MALAYSIA - AMARAN 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA DI PERSIDANGAN AGUNG PERTUBUHAN ANTARA-PARLIMEN ASEAN (AIPO) YANG KEEMPAT DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA TELAH MEMASUKI SATU ZAMAN YANG PENUH DENGAN BAHAYA-BAHAYA YANG BELUM PERNAH DIALAMI SEBELUMNYA.

+ADALAH DUKACITA UNTUK MENGETAHUI BAHAWA MASALAH KAMPUCHEA YANG TELAH MEMBEBAKANKAN KITA SELAMA BEBERAPA TAHUN LALU, NAMPAKNYA TIDAK SEMAKIN HAMPIR KEPADA SATU PENYELESAIAN YANG SAKSAMA,+ BELIAU BERKATA.

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN KEPADA SIKAP TIDAK MAHU BERTOLAK ANSUR YANG DITUNJUKKAN OLEH SETENGAH KUMPULAN, MUNGKIN TIDAK LAGI WAJAR BAGI MALAYSIA BAGI MENYOKONG KEDUDUKAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DI BANGSA-BANGSA BERSATU.

MENGENAI ISU AFGHANISTAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TRAJEDI ITU TERUS BERLAKU KERANA KEDEGILAN SOVIET UNION MENDENGAR PENDAPAT DUNIA.

+JIKA RUSSIA TIDAK BERSETUJU DENGAN PERANAN AMERIKA SYARIKAT
DI VIETNAM YANG MENYOKONG REJIM LEMAH YANG TIDAK POPULAR,
RUSSIA SEPATUTNYA JANGAN MENYOKONG REJIM YANG KINI DITUBUHKAN
DI KABUL,+ TAMBAH BELIAU.
BELIAU MENEKANKAN BAHAWA RAKYAT AFGHANISTAN PATUT DIBENAR-
KAN MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH DALAM NEGERI MEREKA SENDIRI.
--BERSAMBUNG 1452/AH.

20

B551

MALAYSIA - AMARAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENJELASKAN SEBUAH REJIM YANG MENE-
RIMA SOKONGAN YANG POPULAR, DENGAN MANDAT DARI RAKYAT,
SEPATUTNYA BOLEH MEMERINTAH TANPA BANTUAN DARI LUAR.

BAGI NEGARA-NEGARA ASEAN, BELIAU BERKATA TRAJEDI DI
AFGHANISTAN ADALAH SATU UJIAN YANG GENTING BAGI PRINSIP-PRINSIP
YANG MEREKA PERCAYAI -- TIADA SEBARANG KUASA LUAR DIBENARKAN
MENCEROBOH KE WILAYAH SEBUAH NEGARA JIRAN ATAU NEGARA LAIN
YANG LEMAH UNTUK MENEGAKKAN KERAJAAN YANG BERBAIK-BAIK DENGAN
NEGARA LAIN.

+JIKA PRINSIP INI DILANGGAR TANPA SEBARANG BANTAHAN DARI
MASYARAKAT DUNIA, ASEAN DAN LAIN-LAIN NEGARA KECIL AKAN
SENTIASA HIDUP DALAM KETAKUTAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KONSEP ZON KEAMANAN, KEBEBASAN
DAN BERKECUALI (ZOPFAN) ASEAN DI ASIA TENGGARA SEDANG
MEMPERJUANGKAN PRINSIP PENTING INI.

BELIAU MEMBERITAHU AHLI-AHLI PARLIMEN YANG MENHADIRI PER-
SIDANGAN ITU BAHAWA ADALAH MENJADI TUGAS MEREKA UNTUK MENERUSKAN
+USAHA MENANAMKAN PRINSIP INI,+ SEBAGAI SATU-SATUNYA
DASAR UNTUK MEMBINA HUBUNGAN ANTARABANGSA YANG SAKSAMA DAN SIHAT.
--BERSAMBUNG 1525/AH

B552

MALAYSIA - AMARAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI DIALOG ANTARA AIPO DAN PARLIMEN NEGARA-NEGARA
LAIN, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MALAYSIA ME-
NYOKONG HUBUNGAN-HUBUNGAN SEUMPAMA ITU BAGI MENGGALAKKAN
PERSEFAHAMAN YANG LEBIH ERAT ANTARA RAKYAT DAN UNTUK MEMUPUK
USAHA-USAHA KERJASAMA BAGI FAEDAH BERSAMA.

MENGULAS MENGENAI CADANGAN MENUBUHKAN SEBUAH PARLIMEN
ASEAN, BELIAU BERKATA TUJUANNYA BAIK DAN MENGUNTUNGAN.

+PARLIMEN ASEAN MUNGKIN BOLEH MENJADI SEBUAH FORUM BAGI
PENYELERASAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN KITA YANG BERKESAN,+
KATANYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA MEMUJI PERSIDANGAN ITU
KERANA MERANGKUMI SATU AGENDA UNTUK MENIMBANGKAN SATU PROGRAM
PERUNDANGAN BERSAMA MENGENAI NARKOTIK, PENYALAHGUNAAN DADAH
DAN PEMULIHAN.

+INI MENUNJUKKAN JALAN DI MANA PAKAR-PAKAR PERUNDANGAN
ASEAN BOLEH BERKERJASAMA BAGI FAEDAH SEMUA RAKYAT DI RANTAU
ASEAN,+ TAMBAH BELIAU.--BERNAMA 1529/AH